

# **TAJUK : MESYUARAT PEMAHAMAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR DI ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR DAN KERAJAAN NEGERI SABAH**

## **1.0 Pengenalan**

Mesyuarat Pemahaman Perundangan Berkaitan Alam Sekitar Di Antara Jabatan Alam Sekitar dan Kerajaan Negeri Sabah yang telah diadakan pada 11-13 Februari 2020 yang bertujuan untuk memberi pemahaman kepada kedua-dua agensi terhadap perundangan sedia ada yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah serta mengenalpasti skop, prosedur dan penguatkuasaan AKAS 1974 dan seterusnya mekanisma peralihan tanggungjawab pengurusan alam sekitar di negeri Sabah. Ini termasuk memperhalusi pelaksanaan obligasi negara terhadap konvensyen antarabangsa.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah, Pejabat Peguam Besar Negeri Sabah dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah.

## **2.0 Kandungan**

Mesyuarat ini dimulai dengan taklimat daripada Pengarah Penguatkuasa, Jabatan Alam Sekitar berkaitan dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selain itu, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah ditaklimatkan dengan Organisasi JAS Negeri Sabah dan juga pembentangan daripada wakil bahagian di JAS Ibu Pejabat berkaitan dengan perundangan bagi kawalan pencemaran udara, air, tanah, kawalan tumpahan minyak, EIA dan pengurusan buangan terjadual.

Selain itu, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah telah membentangkan pembentangan berkaitan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan perundangan subsidi yang dikuatkuasakan oleh JPAS.

## **3.0 Kesimpulan**

Berdasarkan pembentangan matrik perbandingan di antara Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan Ordinan Sumber Asli Dan Alam Sekitar, 1993 - Bab 84, Undang-Undang

Sarawak 1958 mendapati terdapat jurang yang besar antara dua perundangan ini . Di antaranya ialah:

- i. Perundangan berkaitan alam sekitar di kedua- dua negeri tidak meliputi pemeriksaan terhadap industri dan kenderaan bermotor; dan
- ii. Tiada peruntukan mengenai had-had atau syarat-syarat pelepasan pencemar ke udara dan perairan daratan.

**Gambar Foto :**



Gambar 1: Peserta Bersama YBhg Dr. Jamili Nais, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah



Gambar 2 : Sesi Pembentangan Akta Kualiti Alam Sekeliling oleh Tuan Haji Shafe'ee Bin Yasin, Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya



Gambar 3: Sesi perbincangan dalam kumpulan